

# PELANCARAN PORTAL WEB & LATIHAN INDUSTRI SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI

Oleh DR. SAZMAL EFFENDI ARSHAD

Majlis Pelancaran Portal Web dan Latihan Industri SST telah berlangsung pada 23 Mac 2009. Pelancaran portal telah disempurnakan oleh Dekan Sekolah Sains dan Teknologi (SST) iaitu Prof. Dr Mohd Harun Abdullah. Kehadiran Timbalan-timbalan Dekan SST dan juga para pensyarah dan staf telah memeriahkan lagi suasana majlis. Di dalam ucapan Dekan SST semasa pelancaran tersebut, beliau mengharapkan dengan kewujudan portal web SST yang baru ini dapat memberikan maklumat yang sistematik dan juga efektif untuk para-para pelajar SST di dalam hal-hal berkaitan dengan sekolah. Para pengunjung web SST dan termasuk bakal pelajar dapat melihat gambaran sebenar dan mendapat maklumat yang tepat mengenai SST secara khususnya, serta Universiti Malaysia Sabah secara amnya. Beliau juga mengucapkan tahniah kepada ahli jawatankuasa yang terlibat di dalam pembentukan Portal Web dan Latihan Industri SST yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Jualang Azlan Gansau. Dengan pelancaran Portal Web SST ini, ia menunjukkan komitmen SST sebagai sebuah sekolah yang berteraskan sains dan teknologi amat menitikberatkan aspek teknologi maklumat di dalam pentadbiran sekolah. Komponen yang terpenting di dalam Portal SST ini adalah aplikasi Latihan Industri. Pelajar-pelajar yang akan menjalani latihan industri pada semester 1 2009/2010 ini akan menggunakan aplikasi tersebut di dalam membuat permohonan Latihan Industri melalui pantauan pentadbiran sekolah di atas talian. Sistem aplikasi Latihan Industri di atas talian ini akan mengurangkan masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh pelajar, sekolah dan juga majikan berbanding sistem manual yang dijalankan sebelum ini. Sekolah Sains dan Teknologi adalah perintis di dalam menjalankan pengurusan Latihan Industri secara atas talian di Universiti Malaysia Sabah. **Syabas SST!**



The screenshot shows the homepage of the School of Science & Technology website. At the top, there is a navigation menu with links for Home, About SST, Academic, Research & Publication, Postgraduate, Lecturer, and Download. Below the menu is a large banner image of the school building with the text 'School of Science & Technology' overlaid. To the right of the banner is a 'News & Events' section with a list of recent news items, including 'Pengumuman pelajar Pascasarjana' and 'Tarikh tutup permohonan secara online pelayanannya pengajian ijazah lanjutan'. Below the banner are several columns of text: 'About SST' (Vision and Mission, Administration, Achievements, Supporting Staffs, Academic Staffs), 'Academic' (Agriculture, Biotechnology, Conservation Biology, Environmental Science, Geology, Industrial Chemistry, Marine Science, Mathematics with Economics, Physics with Electronics, Mathematics with Computer Graphics), 'Postgraduate' (Masters By Research, Current Students), 'International Affairs' (Collaboration, International Students, Visiting), 'Research & Publication' (Niche Areas of Research, Seed Money, Fundamental Research Grant Scheme, Publication, Biome Science), 'Student Activities' (Sciencetech), 'Online Application' (Industrial Training Application, COPA Calculator), 'Recent Upload' (Langkah menggunakan sistem lora pengk. pdf, SST teachers doc, ACC MINE GRABAGDES AT MAMAU COPPER MINE), and a visitor count of '65919 Visitors'. At the bottom left, there is a copyright notice: '© 2008 School of Science & Technology. All rights reserved. (Disclaimer) | Feedback Seed Viewed with 1024 x 768 (E7) - FF2' and logos for OpenOffice.org, MSN, and other services.



Pelancaran Portal Web dan Latihan Industri SST oleh Dekan Prof. Dr. Mohd Harun Abdullah